

Timbang kejar PhD lepas raih kepujian kelas pertama

►HAIRANTO DIMAN

mdhairi@sph.com.sg

SEMASA di sekolah menengah dulu, beliau tidak yakin dapat lulus mata pelajaran Matematik dan melanjutkan pelajaran ke politeknik.

Mujur, keputusan peperiksaan GCE peringkat ‘O’ cukup baik baginya menyertai kursus kejururawatan di Politeknik Nanyang (NYP).

Di NYP pula, beliau nyaris-nyaris gagal dalam kursus diplamanya.

Hanya ketika menjalani Perkhidmatan Negara (NS) barulah semangat mahu berjaya dalam pelajaran mula menyala dan berputiklah minat dalam bidang kejururawatan.

Berkat kerja keras, Encik Khairul Dzakin Rusli, 24 tahun, kini meraih ijazah sarjana muda dengan Kepujian (Kelas Pertama) dalam Amalan Kejururawatan (Nursing Practice) daripada Universiti Manchester yang ditawarkan oleh Institut Teknologi Singapura (SIT).

“Sejak di sekolah menengah lagi saya telah menceburi bidang pertolongan cemas melalui kegiatan ko-kurikular (CCA) Pasukan Palang Merah.

“Di NS pula, saya berkhidmat sebagai pegawai perubatan pertempuran (combat medic) dengan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF).

“Saya sedar keperluan meningkatkan daya saing terutama dalam keadaan ekonomi semasa, lantas saya lanjutkan pelajaran ke universiti,” kata Encik Khairul.

Bagaimanapun, keputusan itu tidak mudah dilakukannya memandangkan ayahnya seorang saja bekerja untuk menyara keluarganya.

Mujur, anak kedua dalam keluarga tiga beradik itu mendapat bantuan kewangan subsidi 100 peratus daripada Yayasan Mendaki.

“Saya juga bekerja secara sambilan semasa pengajian di universiti seperti menyumbang tenaga sebagai jururawat semasa temasya Sukan SEA tahun lepas.

“Dengan duit yang saya kumpulkan itu, saya membiayai perbelanjaan semasa lawatan ke Salford Royal Hospital, United Kingdom, sebagai sebahagian daripada program penyerapan luar negara mandatori selama tiga minggu.

“Disertasi saya berdasarkan pemantauan klinikal di hospital tersebut. Program itu telah membantu saya mengenal pasti aspek penjagaan pesakit yang dapat ditingkatkan oleh jururawat di Singapura,” ujar Encik Khairul.

Beliau menambah bahawa disertasinya memberi tumpuan kepada membangunkan pakej pengajaran bagi jururawat dalam penjagaan demensia golongan tua memandangkan isu itu semakin meningkat bukan saja di Singapura, malah di serata dunia.

“Selain menumpukan perhatian sepenuhnya pada pelajaran, saya juga telah menerima anugerah emas bagi Program Kepimpinan Manchester atas penglibatan dalam kerja sukarela di Singapura serta UK dan menulis esei tentang bagaimana individu dan organisasi boleh menangani perubahan iklim.

“Saya juga mengambil peluang menyertai pelbagai kursus tambahan yang ditawarkan SIT termasuk mempelajari bahasa Jerman.

“Baru-baru ini, saya telah ke Shanghai dan Suzhou bagi Program Penyerapan Perusahaan-SIT dan mempelajari pelbagai strategi bisnes selain memahami budaya Cina,” tambahnya.

Encik Khairul juga telah menerima Anugerah Cemerlang Mendaki atas pencapaiannya itu.

“Disebabkan masalah kewangan, saya masih berfikir sama ada mencari pekerjaan dalam bidang penyelidikan berhubung dengan penjagaan kesihatan atau melanjut-

kan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

“Yang penting, saya sangat berterima kasih pada keluarga, rakan dan pensyarah atas sokongan tidak putus-putus selama perjalanan pengajian universiti saya,” katanya.



BUKA PELUANG: Encik Khairul yang meraih ijazah sarjana muda dengan Kepujian (Kelas Pertama) dalam Amalan Kejururawatan (Nursing Practice) daripada Universiti Manchester yang ditawarkan oleh Institut Teknologi Singapura (SIT) baru-baru ini, sedang menimbangkan langkah selanjutnya – sama ada mula bekerja atau sambung belajar ke peringkat PhD. – Foto TAUFIK A. KADER